

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PELANCARAN RASMI TABUNG PELABURAN  
PERWIRA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN,  
KUALA LUMPUR PADA 14<sup>HB</sup> OGOS, 1972

Y.B. Tengku Ahmad Rithauddeen,<sup>1</sup> Tan Sri Jeneral Ibrahim.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita atas usaha pihak Amanah Saham MARA membentuk Tabung Pelaburan Perwira khas untuk Anggota-anggota Angkatan Tentera. Tujuan utama mengadakan Tabung ini ialah untuk membuka jalan kepada saudara-saudara menyertai dalam lapangan perusahaan dan perniagaan dengan melaburkan sebahagian daripada arrears dan juga gaji menerusi Amanah Saham ini. Saya rasa tindakan ini tepat dengan masanya oleh kerana sebahagian besar dari anggota angkatan tentera—darat/laut dan udara—akan menerima munafaat dari tangga gaji baru yang direkomen oleh Jawatankuasa Abdullah.<sup>2</sup>

Sepertimana yang sedia dimaklum, Kerajaan melalui agensi-agensi seperti MARA, UDA, FELDA dan lain-lain sedang menyusun beberapa rancangan khas untuk anggota-anggota tentera yang bakal bersara atau berhenti supaya melengkap dan menyesuaikan diri sebelum masuk ke bidang kehidupan baru dalam masyarakat awam.

Kerajaan akan berbuat apa yang boleh membantu anggota-anggota tentera kita dengan menyediakan rancangan-rancangan latihan untuk serba-serbi lapangan pekerjaan. Bagaimanapun, anggota-anggota angkatan tentera sendiri mestilah berusaha untuk faedah masa depan mereka dan anak isteri mereka—seperti kata orang tua-tua “sediakan payung sebelum hujan”. Inilah peluang dan jalan yang baik lagi terjamin untuk berbuat demikian dengan melaburkn sebahagian daripada wang arrears yang bakal diterima tidak lama lagi dalam Tabung Pelaburan Perwira.

Seperti yang saya katakan tidak lama dulu, mereka hendaklah membuat rancangan-rancangan yang berguna yang akan memberi munafaat kepada mereka dan seterusnya kepada keluarga mereka

<sup>1</sup> Y.B. Timbalan Menteri Pertahanan.

<sup>2</sup> Tan Sri Shaik Abdullah bin Abu Bakar.

di masa hadapan. Kalau hendak berbelanja lebih sedikit tentulah boleh tetapi janganlah membazirkan wang untuk membeli barang-barang mewah yang tidak memberi apa-apa faedah. Jimatkan sebahagian daripada arrears dan gaji bulanan untuk kepentingan diri dan keluarga.

Saudara-saudara sekalian,

Langkah menubuhkan Tabung Pelaburan Perwira ini adalah selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi orang-orang Melayu menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan secara langsung atau tidak langsung. Dengan membeli saham beramai-ramai kita akan menimbus jurang perbezaan ekonomi yang terdapat di antara kaum-kaum di negara ini. Penyertaan yang lebih cergas dalam perusahaan dan perniagaan sajalah yang akan memperkukuh kewangan orang-orang kita serta menjamin kehidupan yang stable dan maju.

*Di masa yang sudah-sudah tidak ada rancangan khas seumpama ini yang disediakan oleh Amanah Saham MARA kecuali atas inisiatif saudara-saudara sendiri untuk membeli saham dalam stock exchange. Rancangan pelaburan modal melalui Tabung Pelaburan Perwira adalah langkah pertama secara teratur yang disediakan oleh MARA untuk membantu anggota-anggota tentera menceburkan diri secara tidak langsung dalam bidang ekonomi kewangan moden. Dengan sambutan yang memuaskan dari semua peringkat—pegawai dan bawahan—saya percaya matlamat Kerajaan dan negara dalam penyusunan semula masyarakat akan berjaya.*

Dengan pesanan dan harapan itu saya melancarkan Tabung Pelaburan Perwira ini. Semuga Allah memberkati usaha kita.